

---

**BAB 4 PENAJA****BAHAGIAN A - AM****4.01 Pengenalan**

Bab ini menyatakan Kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh Penaja atau Perbadanan Tajaan.

**BAHAGIAN B - TAKRIF****4.02 Takrif**

Di dalam Bab ini, istilah dan ungkapan berikut memberi erti berikut.:

- (a) “**percanggahan kepentingan**” berhubung dengan Penaja bererti keadaan atau perhubungan yang menjelaskan atau mungkin menjelaskan kemampuan Penaja untuk bertindak secara bebas dan objektif atau jika Penaja itu mempunyai suatu kepentingan dari hasil cadangan yang mengganggu atau berkemungkinan mengganggu kebebasan dan objektiviti Penaja itu;
- (b) “**Dokumen Awam**” bererti mana-mana dokumen yang dikeluarkan oleh Perbadanan Tajaan kepada orang awam atau kepada pemegang sekuriti mana-mana kelas di dalam perbadanan tersenarai menurut Kehendak-kehendak ini; dan
- (c) “**Personel Kanan Berkelayakan**” bererti personel kanan Penaja yang mempunyai kecekapan dan pengalaman yang relevan untuk dilantik sebagai Personel Kanan Berkelayakan di bawah Garis Panduan Penasihat Utama SC.

**BAHAGIAN C – PENERIMAAN MASUK PENAJA****4.03 Penerimaan masuk sebagai sesuatu Penaja**

- (1) Mana-mana orang yang ingin bertindak sebagai Penaja mesti -
  - (a) merupakan orang yang dinyatakan di dalam Senarai Penasihat Utama Yang Diluluskan yang diterbitkan di dalam tapak web SC;
  - (b) memeterai suatu perjanjian dengan Bursa, di dalam bentuk Lampiran 4A, untuk menerima tanggungjawab sebagai Penaja, untuk sentiasa melaksanakan tanggungjawab itu mengikut kehendak Bursa dan untuk mematuhi Kehendak-kehendak ini dan mana-mana kaedah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh Bursa yang terpakai kepada Penaja; dan
  - (c) memenuhi syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Bursa.
- (2) Penunaan kehendak Subkaedah (1) di atas sahaja tidak memastikan penerimaan masuk seseorang ke Daftar Penaja untuk Pasaran ACE. Bursa mempunyai budi bicara yang mutlak untuk -
  - (a) menerima masuk orang itu ke Daftar Penaja.
  - (b) mengenakan syarat-syarat lain yang difikirkan sesuai oleh Bursa pada penerimaan masuk;

- (c) menolak suatu penerimaan masuk yang bertentangan dengan kepentingan awam, dengan mengambil kira keperluan untuk perlindungan pelabur; atau
- (d) menolak suatu penerimaan masuk yang akan atau berkemungkinan menjelaskan reputasi Bursa atau integriti pasaran.

#### **4.04 Pematuhan dengan perjanjian**

Penaja mesti memastikan pematuhan dengan terma-terma perjanjian yang dimeterai dengan Bursa berkaitan dengan penerimaan masuknya sebagai Penaja di dalam Daftar Penaja untuk Pasaran ACE.

### **BAHAGIAN D – KEWAJIPAN PENAJA**

#### **4.05 Pematuhan dengan Kehendak-kehendak ini**

Penaja mesti sentiasa memerhati dan mematuhi Kehendak-kehendak ini dan mana-mana nota panduan, petunjuk atau arahan lain yang dikeluarkan atau syarat yang dikenakan oleh Bursa.

#### **4.06 Pemahaman yang baik mengenai pemohon**

Sebelum menaja pemohon, Penaja mesti memperolehi pemahaman yang baik dan pengetahuan yang dikemas kini mengenai pemohon, perniagaannya, operasi, industri di mana ia beroperasi dan apa-apa isu lain yang mungkin mempengaruhi perniagaan dan industri pemohon.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 18]*

#### **4.07 Kesesuaian pemohon untuk penyenaraian**

- (1) Penaja mesti menilai kesesuaian pemohon yang ingin memohon untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi.
- (2) Di dalam menilai sama ada pemohon adalah sesuai untuk penyenaraian, Penaja mesti membuat semua siasatan usaha wajar yang munasabah dan mempertimbangkan semua perkara yang relevan, termasuk perkara yang berikut:
  - (a) prospek perniagaan pemohon;
  - (b) rekod urus tadbir korporat pemohon;
  - (c) kesesuaian, keberkesan dan tingkah laku korporat di masa lalu lembaga pengarah dan pengurusan utama;
  - (d) sifat dan tahap percanggahan kepentingan atau percanggahan kepentingan berpotensi, jika ada;
  - (e) sama ada pemohon mempunyai sistem, prosedur, dasar, kawalan dan sumber yang mencukupi untuk mematuhi Kehendak-kehendak ini dan bahawa para pengaruhnya memahami kewajipan mereka di bawah Kehendak-kehendak ini;
  - (f) sama ada pemohon mempunyai sistem kawalan di dalaman dan pengurusan risiko yang mencukupi;
  - (g) bahawa penerimaan masuk pemohon ke Senarai Rasmi tidak menjelaskan kepentingan awam.

- 
- (3) Penaja mesti mengendalikan, mengambil bahagian secara aktif dan menyelia penyediaan dan proses usaha wajar untuk Dokumen Awam dan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Pengendalian Usaha Wajar untuk Cadangan Korporat, jika berkenaan.
  - (4) Penaja mesti mempertimbangkan dan memberi nasihat mengenai kecekapan dan kesesuaian penasihat lain yang terlibat di dalam penyenaraian pemohon.
  - (5) Bursa boleh meminta Penaja untuk menunjukkan kepatuhannya dengan Subkaedah (2) hingga (4) di atas.

[Rujukan silang: Nota Panduan 18]

#### **4.08 Percanggahan kepentingan melibatkan Penaja**

- (1) Penaja mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan sama ada suatu percanggahan kepentingan wujud atau berkemungkinan untuk wujud berhubung dengan peranannya sebagai Penaja kepada pemohon. Jika suatu percanggahan kepentingan wujud atau berkemungkinan untuk wujud, semua langkah yang munasabah mesti diambil bagi mengelakkan atau menyelesaikan percanggahan kepentingan tersebut. Penaja mesti membuat pendedahan penuh kepada lembaga pengarah pemohon dan di dalam Dokumen Awam mengenai sifat dan tahap percanggahan kepentingan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi percanggahan tersebut. Jika suatu percanggahan kepentingan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, Penaja tidak boleh bertindak untuk pemohon atau perbadanan tersenarai.
- (2) Penaja mesti mempunyai kawalan, prosedur dan perlindungan lain untuk mengekalkan kebebasannya dan mengelakkan percanggahan kepentingan.
- (3) Penaja mesti memastikan bahawa tidak ada seorang pun dari para pengarahnnya, pegawai utamanya atau orang yang berhubungan dengan mana-mana pengarah atau pegawai utama tersebut memegang jawatan pengarah kepada pemohon atau Perbadanan Tajaan yang mana ia bertindak sebagai Penaja.
- (4) Penaja tidak boleh menaja pemohon atau perbadanan tersenarai jika ia memegang 5% atau lebih daripada jumlah bilangan syer terbitan pemohon atau perbadanan tersenarai itu. Walaubagaimana pun, suatu syarikat pengurusan aset yang dilesenkan oleh SC atau suatu syarikat modal teroka yang berdaftar dengan SC dan dikendalikan oleh Penaja tidak tertakluk kepada sekatan ini.
- (5) Penaja mesti memastikan bahawa mana-mana pengarah atau pekerja Penaja yang mengetahui maklumat sulit mengenai Perbadanan Tajaan atau perbadanan tersenarai lain tidak menggunakan maklumat tersebut untuk berdagang bagi manfaatnya sendiri atau untuk manfaat orang yang berkaitan dengan pengarah atau pekerja tersebut. Bagi maksud ini, Penaja boleh mempertimbangkan untuk melaksanakan dasar, prosedur dan kawalan untuk memantau aktiviti dagangan para pengarah dan pekerjanya.

#### **4.09 Membimbing Perbadanan Tajaan dan pengarahnnya**

Penaja yang menaja Perbadanan Tajaan mesti, jika berkenaan -

- (a) mengekalkan hubungan tetap dengan Perbadanan Tajaan, termasuk sentiasa bersedia untuk menasihat dan membimbing Perbadanan Tajaan dan para pengarahnnya mengenai tanggungjawab dan kewajipan mereka, dan untuk memastikan pematuhan mereka secara berterusan dengan Kehendak-kehendak ini dan semua perundangan dan garis panduan relevan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia;

- (b) menasihati Perbadanan Tajaan mengenai pelantikan suatu firma perakaunan yang sesuai untuk memenuhi kewajipan audit, jurunilai dan pakar lain untuk Perbadanan Tajaan; dan
- (c) menasihati Perbadanan Tajaan jika dagangan sekuriti tersenarai Perbadanan Tajaan akan atau harus dihentikan atau digantung.

#### **4.10 Dokumen oleh Perbadanan Tajaan**

- (1) Penaja mesti menyemak mana-mana Dokumen Awam yang akan diserahkan atau dizahirkan oleh Perbadanan Tajaannya kepada Bursa untuk memastikan pematuhan oleh Perbadanan Tajaan kecuali -
  - (a) penyata kewangan tahunan teraudit yang dikeluarkan oleh Perbadanan Tajaan;
  - (b) pengumuman yang telah dibuat oleh Perbadanan Tajaan yang disebut bawah Kaedah 9.17 (2)(a); atau
  - (c) jika Perbadanan Tajaan telah melantik suatu entiti selain dari Penaja untuk menjadi Penasihat bagi tujuan penyediaan atau penyerahan Dokumen Awam kepada Bursa.
- (2) Penaja mesti memastikan bahawa mana-mana Dokumen Awam yang dibuat, disediakan, atau diserahkan atau apa-apa maklumat yang diberikan, sama ada secara sendirian atau bersama dengan Perbadanan Tajaan mematuhi Kehendak-kehendak ini.

#### **4.11 Bertindak dengan ketelitian dan kemahiran yang sewajarnya**

Penaja mesti sentiasa mengamalkan ketelitian dan kemahiran yang sewajarnya semasa bertindak untuk mana-mana Perbadanan Tajaan, termasuk mengambil tindakan berikut:

- (a) melaksanakan ketelitian dan kemahiran yang sewajarnya semasa menasihat atau membimbing Perbadanan Tajaan;
- (b) mengekalkan hubungan tetap dengan Perbadanan Tajaan termasuk mengadakan perbincangan dengan para pengarahnya secara berkala dan menghadiri mesyuarat pemegang syerna di mana mungkin.
- (c) mendapatkan bantuan dan perundingan yang diperlukan dari profesional lain yang berkelayakan dan bersesuaian bila dikehendaki; dan
- (d) tertakluk kepada Kaedah 4.27(2) di bawah, tidak membenarkan namanya dikaitkan dengan mana-mana permohonan yang perlu diserahkan kepada Bursa mengikut Kehendak-kehendak ini bagi pihak Perbadanan Tajaan (disebut sebagai "Permohonan") atau dengan mana-mana Dokumen Awam untuk dikeluarkan berkaitan dengan cadangan korporat, melainkan Penaja berpuas hati bahawa, berdasarkan semua maklumat yang sedia ada dan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaannya, Permohonan atau Dokumen Awam itu merupakan penzahiran yang lengkap dan benar tentang semua fakta-fakta yang material mengenai cadangan korporat itu.

#### **4.12 Perhubungan dengan Bursa**

Penaja mesti berhubung dengan Bursa mengenai perkara yang berkenaan dengan tanggungjawab Penaja dan perkara-perkara lain yang harus dibawa ke perhatian Bursa. Di dalam hal ini, Penaja antara lain mesti -

- (a) [dipotong]

- (b) memberitahu Bursa dengan segera apabila ia mempercayai atau menyedari bahawa suatu perkara yang dilaporkannya kepada lembaga pengarah Perbadanan Tajaan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan dan mengakibatkan pelanggaran Kehendak-kehendak ini;
- (c) memberitahu Bursa jika terdapat sebarang perubahan kepada Personel Kanan Berkelayakan;
- (d) memberitahu Bursa bila ia menerima apa-apa amaran bertulis atau siasatan tata tertib dari mana-mana pihak berkuasa kawal selia lain; dan
- (e) memberitahu Bursa mengenai sebarang perubahan yang material di dalam kedudukan kewangan atau operasinya.

#### **4.13 Sistem, prosedur, dasar dan sumber yang sesuai dan mencukupi**

Penaja mesti, secara berterusan, mempunyai sistem, prosedur, dasar dan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan kewajipannya di bawah Kehendak-kehendak ini.

#### **4.14 Penyimpanan rekod**

- (1) Penaja mesti mengekalkan dan menyimpan maklumat yang mencukupi mengenai aktiviti penajaan atau khidmat nasihatnya dan rekod mengenai -
  - (a) siasatan usaha wajar terhadap pemohon atau perbadanan tersenarai;
  - (b) perbincangan penting, nasihat dan proses-proses membuat keputusan berhubung dengan Perbadanan Tajaan dan asas untuk nasihat dan keputusan; dan
  - (c) pematuhan dengan Kehendak-kehendak ini yang terpakai kepada Penaja, apa-apa syarat yang dikenakan oleh Bursa kepada Penaja dan semua perundangan dan garis panduan berkenaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia.
- (2) Rekod yang dikehendaki untuk dikekalkan bawah Subkaerah (1) di atas dapat diperiksa oleh seorang yang dilantik oleh Bursa dan mesti disediakan dengan segera kepada orang tersebut atas permintaan.
- (3) Semua rekod yang dibuat oleh Penaja selaras dengan Subkaerah (1) di atas boleh disimpan di dalam sebarang bentuk, tetapi mesti boleh dikeluarkan semula di dalam bentuk cetakan keras sama ada di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

#### **4.15 Kerjasama**

Penaja mesti bekerjasama dan menghulurkan bantuan penuh di dalam mana-mana penyiasatan, soal siasat atau pertanyaan yang dijalankan oleh Bursa mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kehendak-kehendak ini atau Kaedah Bursa.

#### **4.16 Cadangan oleh Perbadanan Tajaan**

- (1) Tertakluk pada Subkaerah (3) di bawah ini, jika Perbadanan Tajaan melaksanakan suatu cadangan korporat yang ditetapkan oleh Bursa memerlukan perkhidmatan seseorang Penasihat dan Perbadanan Tajaan melantik Penaja untuk bertindak bagi pihaknya, Penaja itu, setelah membuat siasatan usaha wajar yang munasabah (termasuk mematuhi Garis Panduan SC mengenai Pengendalian Usaha Wajar untuk Cadangan Korporat, jika berkenaan) dan setelah mempertimbangkan semua perkara yang relevan, mesti melakukan perkara berikut:
  - (a) menilai dan berpuas hati dengan kesesuaian dan kecekapan profesional dan perunding lain yang terlibat di dalam cadangan korporat itu;

- 
- (b) mengkaji semula Dokumen Awam berkaitan dengan cadangan korporat untuk memastikan pematuhan dengan Kehendak-kehendak ini;
  - (c) memastikan bahawa pelaksanaan cadangan korporat mematuhi Kehendak-kehendak ini, garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia yang relevan dan undang-undang lain yang berkenaan;
  - (d) memastikan bahawa sebarang perbezaan kesan dari cadangan korporat kepada pemegang syer minoriti yang berbeza dari pemegang syer lain, dizahirkan dengan jelas di dalam Dokumen Awam.
- (2) Jika Penasihat dilantik oleh perbadanan tersenarai untuk bertindak bagi cadangan korporat yang ditetapkan oleh Bursa memerlukan perkhidmatan seorang Penasihat semasa atau selepas Tempoh Penajaan, Penasihat tersebut mesti menyemak dan berpuas hati dengan kecukupan penzahiran yang dinyatakan di dalam mana-mana Dokumen Awam yang akan diserahkan atau dizahirkan oleh perbadanan tersenarai kepada Bursa berhubung dengan cadangan korporat tersebut. Penasihat juga mesti mematuhi peruntukan berikut, jika berkenaan dan dengan pengubahsuaian yang diperlukan:
- (a) Subkaedah (1) di atas;
  - (b) Kaedah 4.08;
  - (c) Kaedah 4.09(b);
  - (d) Kaedah 4.10;
  - (e) Kaedah 4.11;
  - (f) Kaedah 4.12(b);
  - (g) Kaedah 4.13;
  - (h) Kaedah 4.14; and
  - (i) Kaedah 4.15.
- (3) Jika Perbadanan Tajaan melantik Penasihat yang lain untuk melaksanakan cadangan korporat semasa Tempoh Penajaan, Penaja itu tidak dikehendaki mematuhi Subkaedah (1) di atas.

[Rujukan silang: Nota Panduan 19]

**4.17 Perubahan yang signifikan di dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai**

Jika berkenaan, Penaja mesti mematuhi Bahagian D dari Bab ini, khususnya Kaedah 4.06, 4.07 dan 4.08 di atas semasa menaja suatu perbadanan tersenarai yang melaksanakan satu cadangan yang akan menyebabkan perubahan yang signifikan di dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai, seolah-olah ia seorang pemohon yang ingin memohon untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi.

**BAHAGIAN E – MENAMATKAN PENAJAAN ATAU PENYINGKIRAN DARI DAFTAR PENAJA****4.18 Penajaan**

Penaja yang membuat suatu permohonan untuk penyenaraian bagi pihak pemohon selaras dengan Kehendak-kehendak ini juga mesti bertindak sebagai Penaja pemohon semasa penerimaan masuk pemohon ke Pasaran ACE untuk sekurang-kurangnya 1 tahun kewangan penuh berikutan penerimaan masuk pemohon ke Pasaran ACE. Sepanjang tempoh 1 tahun tersebut, Penaja tidak boleh meletak jawatan, dan pemohon tidak boleh menamatkan pelantikan Penaja. Perletakan jawatan dan penamatan pelantikan tersebut adalah dibenarkan setelah tamat tempoh masa 1 tahun tersebut dengan syarat ia dilaksanakan menurut Kaedah 4.19 di bawah.

**4.19 Perlentakan jawatan dan penamatan perlantikan**

- (1) Selepas 1 tahun kewangan penuh berikutan penerimaan masuk perbadanan tersenarai ke dalam Senarai Rasmi, Penaja yang ingin meletak jawatan sebagai Penaja mesti -
  - (a) jika Penaja pengganti telah ditemui, memberitahu Bursa mengenai cadangan perletakan jawatan, berserta dengan alasan terperinci untuk perletakan jawatan itu; atau
  - (b) jika tiada Penaja pengganti yang ditemui, mendapatkan persetujuan Bursa terlebih dahulu untuk perletakan jawatan yang dicadangkan, berserta dengan alasan terperinci untuk perletakan jawatan itu.
- (2) Perbadanan Tajaan yang berhasrat untuk menamatkan pelantikan Penajanya mesti mematuhi Subkaedah (1) di atas, seolah-olah ia adalah Penaja yang disebutkan di dalam Subkaedah itu.
- (3) Secara amnya, Bursa tidak akan memberikan persetujuannya kepada sesuatu permohonan yang dibuat bawah Subkaedah (1)(b) di atas melainkan terdapat keadaan luar biasa yang mewajarkan pertimbangan Bursa.
- (4) Perbadanan Tajaan mesti mengumumkan dengan segera keputusan Bursa mengenai permohonannya yang dibuat bawah Subkaedah 1 (b) di atas.
- (5) Sekiranya Bursa memberikan kelulusannya menurut Subkaedah (3) di atas tetapi Perbadanan Tajaan gagal untuk menemui Penaja pengganti di dalam masa 3 bulan dari tarikh kelulusan Bursa dan ia tidak lagi mempunyai seorang Penaja semasa tamat tempoh tersebut, Bursa akan menggantung perdagangan di dalam sekuritinya. Bursa akan membatalkan penyenaraian Perbadanan Tajaan dari Senarai Rasmi secara automatik jika ia masih belum menemui Penaja pengganti di akhir tempoh 2 bulan selepas tamat tempoh 3 bulan tersebut.

**4.20 Menggantikan Penaja**

Jika Penaja meletak jawatan atau perlantikannya ditamatkan menurut Kaedah 4.19 di atas –

- (a) Penaja pengganti mesti memberitahu Bursa dengan segera mengenai pelantikannya dan jika perletakan jawatan, penamatan atau penyingkiran berlaku semasa pemprosesan permohonan penyenaraian, menyerahkan semula bagi pihak Perbadanan Tajaan, suatu permohonan penyenaraian dan perisyiharan dan aku janji yang dikehendaki oleh Bab ini; dan
- (b) semua pihak mesti mengambil semua langkah yang diperlukan dan memberikan bantuan dan kerjasama sepenuhnya untuk memastikan peralihan kerja sedia ada dari Penaja yang mengundur diri kepada Penaja baru dikendalikan dengan licin dan teratur, termasuk menyediakan semua dokumen, maklumat dan rekod yang relevan.

---

#### **4.21 Penyingkiran Penaja dari Daftar Penaja**

- (1) Bursa boleh menyingkirkan seseorang Penaja dari Daftar Penaja di dalam keadaan yang berikut:
  - (a) atas permintaan Penaja;
  - (b) jika Penaja gagal mematuhi Kehendak-kehendak ini; atau
  - (c) pada pendapat Bursa, penyingkiran itu adalah untuk kepentingan awam atau Bursa.
- (2) Jika Bursa bertindak bawah Subkaedah (1)(a) di atas, ia boleh tidak membenarkan entiti itu dari diterima masuk semula sebagai Penaja untuk suatu tempoh tertentu atau selama-lamanya.
- (3) Penaja yang disingkirkan menurut Kaedah 4.21 ini tidak menjadi bebas tetapi akan tetap bertanggungjawab di bawah Kehendak-kehendak ini bagi semua tindakan, tingkah laku, peninggalan atau pelanggarannya di sepanjang tempohnya sebagai Penaja.

#### **4.22 Penghentian aktiviti**

Jika Penaja tidak lagi didaftarkan di dalam Daftar Penaja di atas apa-apa alasan termasuk pemberhentian secara sukarela atau penyingkiran oleh Bursa, Penaja itu mesti, melainkan diarahkan sebaliknya oleh Bursa, serta merta menghentikan semua aktiviti penajaan berhubung dengan Perbadanan Tajaan.

### **BAHAGIAN F – SEMAKAN PRESTASI DAN TINGKAH LAKU PENAJA**

#### **4.23 Semakan Tahunan oleh Penaja**

Penaja mesti melaksanakan semakan tahunan terhadap aktiviti Penajaannya untuk membolehkannya menentukan keberkesanan peranannya sebagai Penaja dan pematuhan kewajipannya di bawah Kehendak-kehendak ini. Jika apa-apa kekurangan dikesan, Penaja mesti mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan-kekurangan itu dan untuk membolehkan pelaksanaan peranannya sebagai Penaja dengan berkesan.

#### **4.24 Semakan oleh Bursa dan kuasa lain**

- (1) Bursa boleh pada bila-bila masa menyemak prestasi dan tingkah laku setiap Penaja. Jika Bursa mempertimbangkan bahawa Penaja tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan, Bursa boleh mengenakan syarat atau kehendak terhadap Penaja atau mengambil mana-mana tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh Bursa.
- (2) Semasa menyemak prestasi dan tingkah laku Penaja, Bursa boleh memberi perhatian kepada -
  - (a) tingkah laku Perbadanan Tajaan yang mana Penaja bertindak.
  - (b) tingkah laku Penaja semasa berurusan dengan Bursa berhubung dengan Kehendak-kehendak ini;
  - (c) pematuhan atau sebaliknya oleh Penaja dengan Kehendak-kehendak ini, mana-mana kaedah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh Bursa yang terpakai kepada Penaja, mana-mana syarat yang dikenakan oleh Bursa kepada Penaja dan semua perundungan terpakai dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia;

- 
- (d) penunaian berterusan atau sebaliknya oleh Penaja terhadap kehendak yang disebutkan di dalam Kaedah 4.03 di atas.;
  - (e) kemungkinan atau kewujudan percanggahan kepentingan; dan
  - (f) perubahan kepada Personel Kanan Berkelayakan, di dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

## **BAHAGIAN G – PERATURAN YANG MENGAWAL PERBADANAN TAJAAN DI DALAM URUSAN DENGAN PENAJA**

### **4.25 Pelantikan Penasihat untuk melaksanakan cadangan**

Jika Perbadanan Tajaan melantik seorang Penasihat untuk melaksanakan cadangan korporat yang ditetapkan oleh Bursa memerlukan perkhidmatan seorang Penasihat semasa Tempoh Penajaan, Perbadanan Tajaan mesti mendapatkan persetujuan bertulis dari Penaja terlebih dahulu untuk pelantikan tersebut, dan persetujuan tersebut tidak boleh ditahan secara tidak munasabah oleh Penaja.

*[Rujukan silang: Nota Panduan 19]*

### **4.26 Berurusan dan perundingan dengan Penaja**

- (1) Perbadanan Tajaan mesti berunding dan mendapatkan nasihat Penajanya dengan segera di dalam keadaan berikut:
  - (a) jika ia mempertimbangkan suatu cadangan korporat atau transaksi, yang jika dilaksanakan, akan menghendaki perbadanan tersenarai, secara minimum, mengumumkan cadangan atau transaksi itu kepada Bursa;
  - (b) jika ia mempertimbangkan suatu terbitan baharu sekuriti;
  - (c) jika ia mempertimbangkan suatu perubahan kepada penggunaan hasil yang diperolehi oleh Perbadanan Tajaan dari penerbitan sekuriti yang menyimpang sebanyak 5% atau lebih dari penggunaan hasil yang asal;
  - (d) di dalam keadaan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa.
- (2) Perbadanan Tajaan mesti mengambil kira nasihat Penajanya di dalam mempertimbangkan cadangan atau transaksi yang disebut di dalam Subkaedah (1) di atas.

### **4.27 Semakan Dokumen Awam**

- (1) Perbadanan Tajaan mesti memastikan bahawa Penaja menyemak mana-mana Dokumen Awam yang akan diserahkan atau dizahirkan oleh Perbadanan Tajaan kepada Bursa, untuk memastikan pematuhan dengan Kehendak-kehendak ini, kecuali berhubung dengan perkara atau keadaan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kaedah 4.10(1) di atas.
- (2) Semasa Tempoh Penajaan, Perbadanan Tajaan mesti menyertakan suatu pernyataan bahawa penerimaan masuknya ke Senarai Rasmi telah ditaja oleh Penaja itu di dalam semua Dokumen Awamnya. Pernyataan ini mesti di dalam cetakan bersaiz tidak lebih kecil dari teks utama dan kedudukannya di halaman hadapan Dokumen Awam.

---

#### 4.28 Pemberian maklumat dan bantuan kepada Penaja

Perbadanan Tajaan mesti memberikan Penajanya semua bantuan yang munasabah dan diperlukan untuk membolehkan Penaja melaksanakan kewajipannya di bawah Kehendak-kehendak ini termasuk:

- (a) memberikan Penajanya, dengan segera, semua maklumat yang relevan yang dimiliki oleh Perbadanan Tajaan;
- (b) memberikan Penajanya akses kepada semua maklumat, buku, rekod, personel dan premisnya;
- (c) memberitahu Penajanya dengan segera sebarang perubahan maklumat atau status yang material apabila menyedari perubahan tersebut; dan
- (d) memastikan bahawa para pengarah, subsidiari, pekerja dan di mana mungkin, pemegang syer yang substansial, syarikat bersekutu atau mana-mana pihak lain yang relevan kepada Perbadanan Tajaan, memberikan bantuan dan kerjasama kepada Penajanya.

[ Bab tamat ]

Lampiran 4A  
Perjanjian di antara Penaja dan Bursa

---

**LAMPIRAN 4A**

**Perjanjian di antara Penaja dan Bursa**  
(Kaedah 4.03(1)(b))

Tarikh:

Pihak:

- (a) Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa"); dan
- (b) [Nama Penaja] ("Penaja").

**Artikel 1        Pentafsiran**

Istilah yang digunakan dan tidak ditakrifkan secara berasingan di dalam ini akan mempunyai erti yang dinyatakan di dalam Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad ("Kehendak-kehendak Penyenaraian").

**Artikel 2        Aku janji**

Sebagai balasan kepada Bursa menerima masuk Penaja ke dalam Daftar Penaja Bursa, Penaja dengan ini berjanji untuk -

- 2.1 menerima tanggungjawab sebagai Penaja dan sentiasa melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya menurut Kehendak-kehendak Penyenaraian yang mengikut kehendak Bursa;
- 2.2 mematuhi dan menjadi terikat di dalam semua perkara oleh -
  - (a) semua peruntukan undang-undang sekuriti yang berkenaan dengan Penaja.
  - (b) mana-mana undang-undang dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan dengan Penaja;
  - (c) Kehendak-kehendak Penyenaraian dan mana-mana kaedah atau peraturan lain dari Bursa yang sedang atau mula berkuatkuasa selepas ini setakat mana ia berkenaan dengan atau mempengaruhi Penaja;
  - (d) mana-mana syarat khas yang boleh dikenakan oleh Bursa kepada Penaja pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa;
- 2.3 memastikan bahawa ia mempunyai prosedur yang sesuai untuk memastikan pematuhan dengan -
  - (a) semua undang-undang, garis panduan, kod, kaedah, peraturan dan syarat-syarat yang disebutkan di dalam Artikel 2.2 (a) hingga (d) di atas oleh setiap pegawai, pekerja dan ejennya; dan
  - (b) Kehendak-kehendak Penyenaraian oleh semua kliennya;
- 2.4 bekerjasama dan memberikan bantuan sepenuhnya kepada mana-mana penyiasatan, soal siasat atau pertanyaan yang dilakukan oleh Bursa mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kehendak-kehendak Penyenaraian atau Kaedah Bursa;

Lampiran 4A  
Perjanjian di antara Penaja dan Bursa

- 
- 2.5 menjalankan urusannya sebagai Penaja selaras dengan amalan perniagaan yang beretika dan profesional.

**Artikel 3 Perwakilan, Jaminan dan Perjanjian**

Penaja mewakili, menjamin dan bersetuju dengan Bursa bahawa -

- 3.1 Penaja diberi kuasa dengan sewajarnya dan telah mendapatkan semua kelulusan, permit, lesen dan kebenaran luaran dan di dalam untuk memeterai Perjanjian ini, dan untuk melaksanakan semua kewajipannya di bawah atau menurut Perjanjian ini; dan
- 3.2 Perjanjian ini membentuk kewajipan undang-undang, sah dan mengikat dari Penaja dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan terma-termanya.

**Artikel 4 Tanggung Rugi**

Penaja bersetuju bahawa -

- 4.1 Bursa atau mana-mana pegawai, pekerja atau ejennya (termasuk mana-mana pengarah atau anggota Lembaga Bursa) tidak akan bertanggungjawab kepada Penaja terhadap sebarang tindakan atau ketinggalan untuk bertindak oleh pegawai, pekerja atau ejen tersebut, sama ada bertindak di dalam atau di luar skop pekerjaan atau fungsi mereka di Bursa, melainkan hanya dan setakat mana Bursa atau mana-mana pegawai, pekerja atau ejen tersebut, di dalam kes yang berkenaan, terbukti telah bertindak dengan kecuaian besar atau salah laku yang disengajakan; dan
- 4.2 Penaja akan menanggung rugi sepenuhnya dan melepaskan Bursa dari mudarat terhadap apa-apa kos, kerugian, kerosakan atau tuntutan yang ditanggung oleh atau ditegaskan terhadap Bursa berikutan dari atau berhubung dengan sebarang tindakan atau ketinggalan untuk bertindak oleh Penaja di dalam menjalankannya aktivitinya sebagai Penaja, atau berikutan sebarang pelanggaran oleh Penaja mana-mana kewajipan yang dipegang olehnya bawah Perjanjian ini.

**Artikel 5 Tarikh kuat kuasa**

Perjanjian ini tidak akan mula berkuat kuasa sehingga ia telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak di bawah ini.

**DI HADAPAN SAKSI-SAKSI** di sini kedua-dua pihak menurunkan tandatangan masing-masing pada Perjanjian ini pada tarikh yang dinyatakan di atas.

Bagi pihak Bursa:

---

Tandatangan yang sah  
[Nama]  
[Jawatan]

---

Saksi  
[Nama]  
[Jawatan]

Penaja:

---

Tandatangan yang sah  
[Nama]  
[Jawatan]

---

Saksi  
[Nama]  
[Jawatan]

[ Lampiran tamat ]